



PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR
TINGKAT LG,G,2,3,4,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDULAZIZ SHAH
40576 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

Telefon : 603-5544 7000
No. Faks : 603-5510 2658 / 5520 5628
E-mail : ptgs@selangor.gov.my
URL : <http://ptg.selangor.gov.my>
Hotline : 1800-8-82624 (Tanah)

Ruj. Kami: Bil.(112)dIm.PTGS/BPH/10/31/99(LG) Jld.1

Tarikh : 13 Oktober 2020
25 Safar 1442H

UNTUK EDARAN SEGERA

Senarai Edaran Seperti di **Lampiran A**

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN OPERASI DI PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR SEWAKTU PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT BERMULA DARI 14 OKTOBER 2020 HINGGA 27 OKTOBER 2020

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan juga pengumuman oleh Menteri Kanan (Keselamatan) pada 12 Oktober 2020 berkaitan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan juga di Negeri Selangor yang akan bermula pada 14 Oktober 2020 sehingga 27 Oktober 2020 juga adalah berkaitan.

2. Lanjutan daripada pengumuman tersebut dan juga sebagai langkah-langkah pencegahan untuk membendung penularan wabak Covid-19 di Negeri Selangor, Pentadbiran ini akan melaksanakan peraturan-peraturan seperti berikut di Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor bermula pada 14 Oktober 2020 sehingga 27 Oktober 2020:

i. Urusan kaunter akan dihadkan.

ii. Urusan perserahan akan menggunakan kaedah Sistem "Smartbox" sepenuhnya.

iii. Bilik runding cara akan ditutup buat sementara waktu sehingga tamat tempoh Perintah Kawalah Pergerakan Bersyarat (PKPB).

iv. Urusan pungutan dokumen akan dilaksanakan secara temu janji bermula pada 14 Oktober 2020 (Rabu).

3. Sehubungan dengan itu, Pentadbiran ini memohon kerjasama pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan untuk memaklumkan tentang perkara ini kepada semua firma guaman yang terlibat bagi memudahkan urusan di kedua-dua belah pihak. Bagi sebarang pertanyaan pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan boleh menghubungi talian 03-5544 7860 / 5544 7446 atau 03-5544 7326 dan email kepada pendaftaranptg@selangor.gov.my.

**PEMAKLUMAN OPERASI DI PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR
SEWAKTU PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT BERMULA DARI 14
OKTOBER 2020 HINGGA 27 OKTOBER 2020**

4. Segala kerjasama dan tindakan segera daripada pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan berkaitan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih. Marilah kita bersama-sama membendung penularan wabak Covid-19 melalui kerjasama yang erat di antara semua pihak. Semoga kita akan berjaya akhirnya.

Sekian.

**“MEMBANGUN BANGSA MEMAKMUR NEGERI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA**

Saya yang menjalankan amanah,


(YUSRI BIN ZAKARIAH) s.m.s
Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor

s.k:

Timbalan Pengarah (Pengurusan)
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor

Timbalan Pengarah (Pendaftaran)
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor

Ketua Penolong Pengarah (Kanan)
Bahagian Pendaftaran Hakmilik
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor

Ketua Penolong Pengarah (Kanan)
Bahagian Hasil
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor

Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Hakmilik Strata
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor

Penolong Pengarah I
Bahagian Pendaftaran Hakmilik
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor

Penolong Pengarah II
Bahagian Pendaftaran Hakmilik
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor

SENARAI EDARAN

- 1. Majlis Peguam Malaysia
(Bar Council Malaysia)**
Wisma Badan Peguam Malaysia,
No.2, Leboh Pasar Besar,
50050 Kuala Lumpur

- 2. Jawatankuasa Peguam Negeri Selangor
(Selangor Bar)**
No.41, Jalan Bola Jaring 13/15,
Seksyen 13,
40100 Selangor Darul Ehsan

- 3. Jawatankuasa Peguam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
(Kuala Lumpur Bar)**
Unit 4.02,
Level 4,
Wisma Badan Peguam Malaysia,
No.2, Leboh Pasar Besar,,
50050 Kuala Lumpur